

Ahli Pekema mahu caj permit RM10,000 disemak semula

Sistem AP baru mula beri kesan

KUALA LUMPUR - Penambahbaikan Dasar Automotif Negara (DAN) yang dilaksanakan mulai 1 Januari lalu diharap menjadikan sektor automotif lebih berdaya saing

namun sejumlah peniaga kenderaan import mula terasa kesannya.

Semua-gara-gara pelaksanaan caj RM10,000



AHMAD KEMIN


terhadap setiap permit import (AP) terbuka yang didakwa menjejaskan bisnes pengimport kecil.

Pengarah Urusan Mutiara Motors Sdn. Bhd., Mokhtar Ahmad berkata, para pengusaha dikehendaki membayar serta-merta RM10,000 bagi setiap AP yang diperolehi.

"Kita hendak minta kelonggaran sedikit kepada kerajaan, agar syarikat pemegang AP membayar caj itu selepas menjual kereta (yang diimport)," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Jelas Mokhtar, sistem baru yang diguna pakai itu membebaskan syarikat pemegang AP kerana para pemain industri perlu membayar caj itu serta-merta sebaik sahaja diberikan AP.

Sebanyak 18 dasar baru DAN yang diumumkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed pada Oktober tahun lalu tersebut merangkumi aspek pelesenan, duti, insentif, teknologi dan alam sekitar; keselamatan dan standard; dan AP.



SEORANG petugas Mutiara Motors membuka bonet sebuah kereta mewah di Johor Bahru. - Gambar hiasan

Dasar baru itu menetapkan sistem AP terbuka ditamatkan pada 31 Disember 2015 manakala audit akan dilakukan setiap enam bulan.

Seorang penerima AP, Datuk Ibrahim Ali berkata, kebanyakan penerima AP kecil ialah usahawan Bumiputera.

"Saya menjalankan perniagaan menjual kereta sejak 30 tahun yang lalu tetapi mengapa perlu 'denda' kami yang merupakan usahawan tulen dan terbukti berjaya membantu kerajaan membangunkan ekonomi negara.

"Kami telah menyumbang hampir RM20 bilion hanya untuk membayar duti import dan cukai pendapatan," katanya.

Bagi seorang lagi peme-

gang AP, Datuk Hasan Omar pula menjangkakan caj RM10,000 menyebabkan harga kereta meningkat dan ia akan menjejaskan jualan.

Veteran automotif import, Datuk Ahmad Kemin menambah, pembabitan usahawan Melayu dalam industri automotif menerusi dasar AP telah terbukti berjaya dan menyediakan lebih 5,000 peluang pekerja dalam berbagai sektor perniagaan.

Katanya, setiap pengusaha memperoleh keuntungan kasar antara RM12,000 hingga RM15,000 bagi sebuah kereta tetapi itu tidak mencukupi bagi menampung operasi syarikat seperti bayaran penghantaran dari kargo ke pusat

pameran, kos kargo, cukai Kastam, cukai pendapatan dan gaji pekerja serta lain-lain perbelanjaan.

Sementara itu, pemangku Yang Dipertua Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (Pekema), Datuk Zainuddin Abdul Rahmap ketika dihubungi menjelaskan, pihaknya menghantar permohonan kepada MITI bagi mengurangkan bayaran AP kepada RM5,000.

Katanya, tanpa semakan semula bayaran tersebut, hal itu menjejaskan 98 anggota Pekema kini berhadapan laluan sukar manakala pengguna terpaksa membayar kos lebih untuk memiliki kenderaan import.